

**Keperluan Rakyat Perlu Diutamakan - Perwakilan Gerakan
Bernama
16 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Keperluan dan kehendak rakyat perlu diutamakan selain memberi perhatian terhadap pilihan raya umum, demikian antara pandangan yang disuarakan perwakilan Gerakan pada hari terakhir Persidangan Perwakilan Nasional ke-40 di sini.

Naib Ketua Pemuda Gerakan David Ang Chin Tat berkata kebanyakan parti politik di negara ini kini dilihat hanya menjaga kepentingan masing-masing dan mengabaikan hak rakyat.

"Makanan, keselamatan kawasan kejiranan, peluang perniagaan serta urus tadbir yang baik, kita hanya bercakap mengenainya (kerana) ia percuma. Kita tidak dilihat sebagai melakukan transformasi untuk rakyat," katanya ketika membahaskan ucapan dasar presiden hari ini.

Beliau berkata masih banyak aduan mengenai kebajikan rakyat yang terabai, dan ini menunjukkan usaha yang dilakukan tidak dibuat bersungguh-sungguh.

Pengerusi Gerakan cawangan Keningau Bandar Lee Chen Peng turut mengutarakan perkara yang sama ketika berbahas dan menurut beliau, jika keperluan rakyat tidak diberi perhatian oleh kerajaan, ia boleh menjadi alasan kepada pihak pembangkang untuk meracuni pemikiran mereka.

"Unsur memburukkan kerajaan, kalau tidak dapat ditangani pada dasarnya, boleh jadi kritikal," katanya.

Bagi Pengerusi Gerakan bahagian Gopeng Dr Lee Chee Pheng, Gerakan perlu mengambil peluang yang ada dan meluangkan lebih banyak masa mengenal pasti keperluan rakyat.

Beliau berkata kerajaan juga perlu melihat situasi sekarang iaitu rakyat tetap memilih pembangkang walaupun pelbagai perkara diberikan oleh kerajaan.

Dalam pada itu, Pengerusi Gerakan cawangan Bandar Kulai Cheong Chin Liang, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Bukit Batu, berkata pemimpin perlu turun padang berjumpa rakyat bagi memenangi hati mereka seperti saranan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Sebab itu, kalau kita kotakan janji sahaja dan pemimpin tak turun, matlamat kita tidak akan tercapai, seperti pepatah Cina, maksudnya sesiapa yang memenangi hati rakyat, dia akan dapat kuasa memerintah," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620238>